



SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2018 SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA ALI KUALA BELAIT

HARI ISNIN, 18^{HB} SYAWAL 1439 BERSAMAAN DENGAN 02^{HB} JULAI 2018

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Perkerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan telah menganjurkan jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2018 kali kedua di Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Daerah Belait pada hari Isnin, 18hb Syawal 1439H bersamaan dengan 2hb Julai 2018.
2. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput, Ketua Kampong, Kampong Labi 1, Kuala Belait. Jerayawara tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada AMBD dan Kementerian Pendidikan.
3. Sepertimana tahun-tahun sebelum ini, jerayawara tersebut membawa tema 'Generasi Celik Kewangan'. Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan telah dikendalikan di sekolah-sekolah rendah pada tahun 2016, manakala pada tahun 2017, tumpuan diberikan ke sekolah-sekolah menengah. Pada tahun ini, jerayawara Hari Menabung Kebangsaan ditumpukan pula kepada pusat-pusat tingkatan enam dan institusi-institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha AMBD untuk membangunkan generasi celik kewangan dan merealisasikan objektif Visi Brunei 2035 untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Seramai 400 orang penuntut daripada pusat-pusat tingkatan enam dan institusi-institusi pengajian tinggi daripada seluruh negara telah dijemput untuk menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang yang dikendalikan oleh AMBD bersama pihak TAP, Junior Achievement Brunei, bank-bank serta syarikat-syarikat insurans dan Takaful.
5. Jerayawara seterusnya akan diadakan di Daerah Tutong pada 4hb Julai 2018 dan seterusnya di Daerah Brunei dan Muara pada 11hb Julai 2018.
6. Acara kemuncak Hari Menabung Kebangsaan 2018 iaitu Pesta Ria Kewangan akan diadakan di Jerudong Park Colonnade pada 4hb Ogos 2018 bermula pada jam 4 petang hingga 10 malam dan pada 5hb Ogos 2018 bermula pada jam 12 tengah hari hingga 6 petang. Acara itu nanti akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti menarik untuk seisi keluarga. Selain daripada itu, satu *Financial Showcase* juga akan diadakan pada bulan September 2018.

7. Bagi maklumat lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn/nsd2018 atau memuat turun AMBD App melalui 'App Store' atau 'Google Playstore' atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 18 Syawal 1439 / 2 Julai 2018

Rujukan: AMBD/COMMS/3